

RINGKASAN EKSEKUTIF

TAJUK	:	PERMOHONAN BAGI MENJALANKAN AKTIVITI- AKTIVITI PRODUCTIVITY GROWTH DMO
OBJEKTIF	:	• Menjalankan aktiviti-aktiviti libat urus, kajian impak dan pelaporan pencapaian produktiviti di peringkat nasional, sektoral dan enterpris kepada pihak berkepentingan; • Memastikan pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan model tadbir urus DMO dilaksanakan dengan berkesan di peringkat nasional, sektoral dan enterpris; dan • Menjadi saluran komunikasi dan sumber rujukan dikalangan industri dan masyarakat supaya memberikan perhatian kepada isu produktiviti dan inovasi.
JUMLAH ANGGARAN KOS	:	RM 51,000.00 (Feb – Mei 2021)
PERUNTUKAN	:	MPB-PSPN
KOMEN/TANDATANGAN UNIT PEROLEHAN	:	

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
KERTAS CADANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC

1.0 TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan serta kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti *Productivity Growth DMO* dengan menggunakan peruntukan MPB-PSPN berjumlah RM 51,000.00.

2.0 LATAR BELAKANG

Fungsi utama *Productivity Growth DMO* adalah menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan strategi peningkatan produktiviti di bawah *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) yang diterajui oleh sektor swasta. Perlaksanaan program Nexus Produktiviti yang dipantau dan dikawal selia bersama oleh DMO dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri bertujuan memastikan inisiatif produktiviti di peringkat nasional, sektor dan enterpris dilaksanakan mengikut tadbir urus yang ditetapkan.

Salah satu fungsi utama dalam penyelarasan dan pemantauan adalah memastikan kemajuan aktiviti inisiatif produktiviti peringkat nasional dan sektoral serta enterpris dapat disampaikan kepada pihak berkepentingan dengan berkesan.

Antara aktiviti komunikasi yang akan dijalankan merangkumi pendekatan transformasi pengetahuan tersirat (*tacit*) kepada pengetahuan yang lebih jelas (*explicit*) berkaitan maklumat produktiviti, daya saing, dan inovasi.

3.0 OBJEKTIF

Objektif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini adalah seperti berikut:

- Mendapatkan dan menyampaikan maklumat mengenai kemajuan dan impak pelaksanaan inisiatif serta aktiviti-aktiviti berkaitan dengan produktiviti kepada pihak berkepentingan; dan
- Memudahkan penyampaian maklumat berkaitan produktiviti, daya saing, dan inovasi.

4.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Aktiviti-aktiviti ini akan dijalankan (Feb- Mei) 2021.

5.0 ANGGARAN KOS (JAN – APRIL) 2021

Bil.	Item	Harga per kuantiti	Jumlah (RM)
1.	Sekretariat Mesyuarat	Mesyuarat DMO: RM1,000 x 4 bulan Mesyuarat NOPC/NPC: RM1,000 x 1 bulan	4,000.00 1,000.00
2.	Penulisan laporan/artikel/ kajian kes	200.00/Muka surat x 50 mukasurat (maksimum)	10,000.00
3.	Penyemak artikel/laporan	150.00/Muka surat x 50 mukasurat	7,500.00
4.	Pakej Bengkel / Round Table Discussion / Working Group bagi Penambahbaikan Inisiatif MPB	RM 30 x 30 peserta x 10 sesi	9,000.00
5.	Pembayaran Fasilitator/Moderator/ Tenaga Pengajar	RM 250 sejam x 6 jam x 5 sesi	7,500.00
6.	Pembayaran Pakar Rujuk / Industri / Khidmat penasihat / Mentor	RM 400 sejam x 6 jam x 5 sesi	12,000.00
JUMLAH			51,000.00

6.0 SYOR

Dengan ini adalah dipohon pertimbangan serta kelulusan daripada Lembaga Pengurusan MPC bagi menjalankan aktiviti-aktiviti *Productivity Growth* DMO dengan menggunakan peruntukan MPB-PSPN berjumlah RM 51,000.00

Disediakan:

Nazahiah Mohamad
Pengurus
DMO/PGD/PCD

Disemak:

Dr. Mohamad Norjayadi Tamam
Timbalan Pengarah
DMO/PGD/ PCD

Disokong:

Suhaimi Hamad
Pengarah
DMO/PGD/ PCD

